

Delegasi ke China tarik pelabur

UM: 6/7/2007

JOHOR BAHRU 5 Julai - Majlis Dagangan Malaysia-China (MCBC) akan melakukan promosi secara agresif bagi menarik pelabur-pelabur dari China ke Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor.

Pengerusi Bersama MCBC, Tun Musa Hitam berkata, usaha itu perlu dilakukan dengan terancang dan teliti kerana kebanyakan usahawan yang berpotensi masih tidak mengetahui mengenai peluang pelaburan di WPI.

Bagi tujuan itu, katanya, pemimpin kerajaan Johor akan mengetuai delegasi Malaysia ke negara tersebut September ini untuk mempromosikan WPI.

"Pada masa yang sama satu delegasi dari China dijangka berkunjung ke Johor bulan depan," kata Musa selepas menghadiri mesyuarat tertutup antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Bersama Lembaga WPI (IRDA) dengan sekumpulan usahawan China di sini hari ini.

Delegasi China diketuai oleh Naib Pengerusi Majlis Promosi Antarabangsa China, Yu Ping.

Hadir sama ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman yang juga Pengerusi Bersama IRDA.

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan Forum Perniagaan Malaysia-China di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini.

Mengulas lanjut, Musa menjelaskan, delegasi Johor akan berkunjung ke wilayah-wilayah China yang memiliki banyak potensi pelaburan yang boleh direbut oleh usahawan Malaysia.

Beliau berkata, delegasi dari negeri ini juga akan mengadakan promosi yang sama di China pada tahun depan tetapi di wilayah yang berbeza.

Tanggungjawab

"Melalui pendekatan itu lebih banyak usahawan berminat melabur di sini dan tidak tertumpu di Kuala Lumpur sahaja dan kita juga dapat mengetahui mengenai peluang-peluang perniagaan di sana," jelasnya.

Beliau berkata, MCBC akan memastikan delegasi China yang berkunjung ke Johor mendapat semua akses termasuk maklumat berkaitan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan menyenaraikan jenis-jenis pelaburan yang ada untuk memudahkan mereka melabur di sini.

Musa yakin usahawan China akan melabur di Johor sekiranya mereka mengetahui mengenai peluang-peluang yang disediakan. Katanya, adalah menjadi tanggungjawab Malaysia untuk memberi maklumat yang tepat dan lengkap kepada para pelabur China.

Menjawab satu soalan, beliau berkata, delegasi China mengakui usaha tertentu perlu dilakukan untuk mengimbangi perdagangan dua hala yang ketika ini lebih menguntungkan China.

Statistik menunjukkan pelaburan langsung asing (FDI) Malaysia ke China berjumlah AS\$320 juta (RM1,088 juta) berbanding FDI China ke Malaysia hanya AS\$30 juta (RM102 juta).

Sementara itu, Musa memberitahu, dalam mesyuarat tersebut tidak dibangkitkan langsung tentang isu keselamatan di Johor.

Namun, selaku anggota panel penasihat IRDA, Musa menegaskan, soal keselamatan menjadi isu penting yang dibincangkan dari peringkat awal lagi termasuk kos dan konsep keselamatan yang akan dibangunkan.